

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MAC 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6

Pasukan petugas atasi miskin bandar

Pasukan petugas atasi miskin bandar

Kementerian
Wilayah
+ Persekutuan
tubuh Unit
Kemiskinan

Kuala Lumpur: Kementerian Wilayah Persekutuan menubuhkan Unit Kemiskinan pada peringkat kementerian dan agensinya bagi menangani isu miskin bandar secara berterusan.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Jalaluddin Alias memaklumkan bagi Wilayah Persekutuan Labuan, unit itu ditubuhkan bawah Perbadanan Labuan serta bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menubuhkan pasukan petugas.

"Unit Kemiskinan ini adalah sebuah unit baharu yang kami wujudkan untuk mencapai matlamat membasmikan kemiskinan."

"Penubuhan pasukan petugas pula sebagai persediaan untuk bekalan barang keperluan menjelang musim perayaan, dengan sokongan agensi kerajaan

serta pemborong atau kedai terpilih.

"Diharapkan segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan ini dapat membantu menangani masalah kemiskinan di Wilayah Persekutuan Labuan, terutama miskin bandar berikutan kos sara hidup semakin tinggi," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Datuk Bashir Alias mengenai mekanisme direncanakan pihak kementerian dalam usaha menangani masalah kemiskinan di Labuan, terutama miskin bandar susulan kenaikan kos sara hidup.

Selain itu, Jalaluddin berkata, kementerian akan menggerakkan semula Jawatankuasa Kerja Pembangunan Fizikal dan Ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan (JKPFEWPL) bawah Menteri Wilayah Persekutuan, bagi menangani isu dan masalah semasa berkaitan pembangunan fizikal serta ekonomi, termasuk perkara yang membabitkan kenaikan kos sara hidup di Labuan.

Menjawab soalan tambahan Senator Muhammad Zahid Md Arif sama ada Unit Kemiskinan itu boleh bekerjasama dengan Pusat Pungutan Zakat untuk mengatasi kemiskinan bandar dalam kalangan umat Islam pula, Jalaluddin berkata, kedua-dua unit itu mempunyai matlamat yang sama.

"Matlamat kami sama. Unit Kemiskinan ini untuk membantu bukan sahaja golongan Melayu Islam bahkan kaum lain dengan tumpuan kami sama, iaitu membantu golongan B40 ke bawah, untuk mengatasi masalah kemiskinan.

"Di samping itu, saya jangka gabungan kedua-dua unit ini akan memaksimumkan bantuan serta menyelesaikan kemiskinan yang dihadapi masyarakat kita sekarang," katanya.

BERNAMA